



**TUMPUAN...pelajar mendengar taklimat mengenai Klinik Kaunseling UPM. — Gambar MUHAIZAN YAHYA**

# TALIAN KAUNSELING

## UPM bantu pelajar tangani masalah peribadi

Oleh **Noor Azam Abd Aziz**  
azam@hmetro.com.my

**P**ELAJAR Universiti Putra Malaysia (UPM) yang memerlukan bimbingan untuk menangani masalah peribadi boleh mendapatkan kaunseling secara dalam talian (online) menerusi sistem e-BIKA Putra yang diperkenalkan Klinik Kaunselingnya.

Ditubuhkan Bahagian Hal-Ehwal Mahasiswa UPM, klinik itu juga mengambil lang-

kah proaktif dengan turun ke padang bertemu mahasiswa di kolej kediaman.

Klinik itu dilancarkan di Dewan Sri Bendahara, Kolej Tun Perak, baru-baru ini oleh Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar), Prof Madya Dr Azali Mohamed.

Ketua Unit Bimbingan dan Kaunseling, Noorizai Mohamad Noor, berkata, khidmat kaunseling yang diperkenalkan di UPM sejak 2003 dan mendapat sambutan baik daripada mahasiswa.

Katanya, dalam usaha mengejar kecemerlangan dalam pendidikan di kampus, mahasiswa menghadapi kesulitan, patah semangat, kebuntuan dan putus asa.

"Unit ini sedaya upaya mempelbagaikan bentuk perkhidmatan yang diberi kepada siswa sebagai pelanggan utama," katanya.

Dr Azali dalam ucapan perasmianya mengucapkan syabas kepada unit itu yang berjaya mewujudkan saluran baru kepada siswa untuk mendapatkan bantuan.

Beliau berkata, kehidupan siswa pada masa kini semakin mencabar dan memerlukan kekuatan serta sokongan untuk menghadapi segala dugaan yang mendatang.

Dr Azali berharap usaha yang dilaksanakan itu dimanfaatkan sepenuhnya siswa untuk mendapatkan bimbingan dan bantuan dalam memastikan UPM terus cemerlang.

Beberapa siswa ketika ditemui mengangap klinik kaunseling itu usaha terbaik untuk membantu mereka mengatasi masalah.